KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MINISTRY OF EDUCATION
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Educational Technology and Resources Division
Persiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 603 - 2081 8111
Fax : 603 - 2081 7788

Ruj Kami: KPM.600-12/1/1 JLD 54 (82)
Tarikh: 2 Oktober 2026

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

(*seperti dalam* ***Senarai Edaran***)

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN MODUL ETIKA SIBER NASIONAL DI SEMUA SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan (KPM) dengan kerjasama CyberSecurity Malaysia dan sokongan Kementerian Digital telah selesai membangunkan Modul Etika Siber Nasional (ESN).

3. Modul ESN yang bertujuan untuk memperkasa pengetahuan murid dalam aspek keselamatan dan etika digital ini telah dirintis di 216 buah sekolah pada 15 Julai hingga 31 Ogos 2026 dan akan diperluas ke semua sekolah bawah KPM bermula pada 6 Oktober 2026.

4. Untuk makluman, pelaksanaan Modul ESN di sekolah akan diselaraskan oleh **Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP)**, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan **Unit Sumber Teknologi Pendidikan (USTP)**, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dengan bantuan penyelarasan di peringkat sekolah oleh **Guru Penyelaras ICT (GPICT)**.

5. Murid yang terlibat dalam pelaksanaan Modul ESN ini adalah terdiri daripada kumpulan sasaran seperti jadual di bawah.

Kategori	Kumpulan Sasaran
Sekolah Rendah	Semua Murid Tahun 3
	Semua Murid Tahun 6
Sekolah Menengah	Semua Murid Tingkatan 2
	Semua Murid Tingkatan 4

…2/-

6. Modul ESN ini boleh dilaksanakan secara kendiri pada bila-bila masa dan di mana sahaja sehingga **15 Disember 2026** melalui portal **http://esn.moe.edu.my/.** Manual pengguna yang memperincikan mengenai cara penggunaan Modul ESN boleh dimuat turun melalui pautan **https://linktr.ee/jomlahesn**

7. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, Modul ESN ini mengandungi enam (6) topik yang perlu dilaksanakan oleh murid. Murid juga boleh merekod setiap topik sebagai satu (1) bahan bacaan dalam sistem perekodan NILAM. Topik di dalam Modul ESN adalah seperti berikut:

- Kesihatan dan Kesejahteraan Digital,
- Fasih Digital,
- Adab Digital,
- Privasi dan Keselamatan Digital,
- Hak dan Tanggungjawab Digital dan
- Perdagangan Digital.

8. Maklumat lanjut dan pertanyaan berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada pihak urus setia Modul ESN peringkat negeri masing-masing di SSTP, JPN. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan untuk memanjangkan maklumat ini kepada semua sekolah yang berada di bawah tadbir urus YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ANIZA BINTI KAMARULZAMAN J.M.N)
Pengarah

s.k.:

1. *Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia*
   Kementerian Pendidikan
2. *Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia*
   Sektor Operasi Sekolah
3. *Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia*
   Sektor Dasar dan Kurikulum
4. *Pengarah*
   Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

5. *Pengarah*
   Bahagian Pendidikan Islam

6. *Pengarah*
   Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

7. *Ketua Nazir*
   Jemaah Nazir

8. *Pengarah*
   Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

9. *Pengarah*
   Bahagian Pendidikan Khas

10. *Pengarah*
    Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

11. *Setiausaha Bahagian*
    Bahagian Permata

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Pendidikan
   Jabatan Pendidikan Negeri Perlis

2. Pengarah Pendidikan
   Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

3. Pengarah Pendidikan
   Jabatan Pendidikan Pulau Pinang

4. Pengarah Pendidikan
   Jabatan Pendidikan Negeri Perak

5. Pengarah Pendidikan
   Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

6. Pengarah Pendidikan
   Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

7. Pengarah Pendidikan
   Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

8. Pengarah Pendidikan
   Jabatan Pendidikan Negeri Johor

9. Pengarah Pendidikan
   Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

10. Pengarah Pendidikan
    Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

11. Pengarah Pendidikan
    Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

12. Pengarah Pendidikan
    Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

13. Pengarah Pendidikan
    Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

14. Pengarah Pendidikan
    Jabatan Pendidikan WP Kuala Lumpur

15. Pengarah Pendidikan
    Jabatan Pendidikan WP Putrajaya

16. Pengarah Pendidikan
    Jabatan Pendidikan WP Labuan